

Family Variables and Self Concept Variables (Part 19)

Siti Sarawati Binti Johar

5.1.3 Gaya permisif

Cara ini lebih bercirikan gaya komunikasi yang terbuka dan ibu bapa begini kurang menekankan tingkah laku yang baik kepada anak. Antara ciri ibu bapa yang permisif ialah :

- Tidak dapat menggunakan kuasa secara langsung dan terbuka.
- Berkomunikasi secara terbuka tetapi tidak berusaha untuk membentuk tingkah laku anak.
- Tidak banyak membuat permintaan kepada anak dan sering memberikan sepenuhnya kebebasan.
- Kurang mengenakan kawalan dan apabila perlu, mereka menggunakan penjelasan ataupun sebab-sebab dan tidak menggunakan kuasa ataupun kekerasan bagi mengawal anak.
- Tidak bersifat untuk menghukum anak jika anak membuat kesalahan, sebaliknya lebih menerima impuls dan keinginan anak.
- Berfungsi sebagai sumber yang memenuhi segala keinginan anak dan tidak dapat berfungsi sebagai agen-agen aktif yang terlibat dalam pembentukan tingkah laku anak.
- Membiarkan anak mengatur aktiviti sendiri dan mengelakkan daripada mengenakan kawalan ke atas anak.
- Cuba menyediakan keadaan yang membimbing ke arah perkembangan anak tetapi sebenarnya gagal berfungsi untuk membentuk had-had batasan yang tegas kepada anak ataupun mengkehendaki anak bertingkah laku secara lebih matang dan rasional.

Didapati kanak-kanak yang dididik oleh ibu bapa yang permisif adalah lebih cenderung bersifat tidak dapat mengawal diri, impulsive, kurang berdiskusi dan kurang meneroka sesuatu. Walau bagaimanapun, mereka kelihatannya lebih gembira dan cepat sembuh daripada sesuatu tekanan ataupun krisis berbanding kanak-kanak yang dibesarkan secara autoritarian. Baumrind (1989) turut memberikan dua dimensi dalam cara pembesaran iaitu kehendak dan tindak balas ibu bapa. Mekanisme-mekanisme cara pembesaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak diwakili oleh persilangan antara dua dimensi tersebut. Kehendak ditakrifkan sebagai jumlah ataupun darjah kawalan yang dikenakan oleh ibu bapa pada anak manakala tindak balas ditakrifkan sebagai kekerapan interaksi dengan anak sama ada secara positif ataupun negatif (Maccoby dan Martin, 1983).

Ringkasnya, hasil kajian susulan oleh Baumrind terhadap responden yang berusia 8–9 tahun (tahap pertengahan anak-anak), beliau membuat rumusan bahawa ibu bapa yang autoritatif lebih cenderung untuk :

- Berusaha menghasilkan kesan-kesan positif semasa tempoh ini secara berterusan terhadap anak-anak.
- Memiliki gaya dan corak pembesaran yang paling baik dan ini dielemenkan oleh kehendak dan tindak balas tinggi.
- Kemesraan ibu bapa akan menyebabkan wujudnya kesan positif manakala kedinginan dan permusuhan akan menghasilkan kesan-kesan negatif.
- Kanak-kanak pula lebih cenderung memperolehi markah yang lebih baik dalam agensi iaitu kecenderungan mengambil inisiatif, sedia menghadapi cabaran dan cuba mempengaruhi sesuatu situasi.
- Mereka turut bersifat berdikari, bertanggungjawab dan yakin pada diri sendiri serta mempunyai konsep sendiri yang baik.

CONTINUE...